

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Mudah kenal pasti musuh

UM - 17/7/2016

KOTA BHARU 16 Julai - Hasrat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu mewujudkan parti baharu dan membentuk pakatan bersama PKR, DAP dan PAN memudahkan kerja Barisan Nasional (BN) mengenal pasti siapakah musuhnya yang sebenar.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, selepas mengenal pasti musuh sebenar, BN boleh membuat persiapan dan mengatur strategi bagi melawan mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

“Bila dia (Dr. Mahathir) umum nak tubuh parti, kita sudah boleh buat analisis siapa yang akan menjadi pencabar kepada BN nanti. Yang jadi masalah kepada kita, bila duduk dalam parti, kata sayang tetapi pada masa sama

tikam dan mahu kalahkan parti.

“Bagi saya itu lebih sukar untuk diramalkan. Saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir kerana berani tubuh parti dan isytihar mahu lawan BN. Itu lebih baik daripada berpolitik tetapi tidak mempunyai parti,” katanya.

Beliau mengulas tindakan Dr. Mahathir yang mengumumkan satu pakatan bersama sebuah parti baharu, PKR, DAP dan PAN akan diwujudkan untuk menentang BN pada PRU-14.

Antara individu yang dikaitkan dengan pembentukan parti baharu itu ialah bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Shafie Apdal dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.